

Penggganas: Cara dunia atasi tidak bijak

UM 8 DEC 2002

PUTRAJAYA 7 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan cara dunia mengendalikannya isu penggganas pada masa ini sebagai tidak bijak dan hanya menjurus kepada keadaan yang lebih buruk.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu akan menjadikan orang ramai terus berasa tidak selamat dan dunia pula akan terus dihantui masalah keganasan dalam jangka waktu yang panjang.

Menurutnya, apabila orang merasakan tidak selamat untuk bergerak, perniagaan tidak boleh dijalankan dan ia akan memberikan kesan kepada ekonomi dunia.

“Kita mungkin tidak suka kenapa mereka lakukan perkara itu (keganasan) tetapi hakikatnya ialah kalau kita tidak boleh

menangani puncanya, (keganasan) akan berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka untuk perwakilan asing, menteri-menteri, pegawai tinggi kerajaan dan tokoh-tokoh korporat di Seri Perdana hari ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menegaskan, pada masa ini, dunia memang menentang keganasan tetapi dalam waktu yang sama, mereka membenarkan sesetengah pihak untuk menggganas.

Katanya, contoh yang paling jelas ialah keganasan tentera Israel terhadap penduduk Palestin dan dunia tidak pernah cuba menghentikannya.

“Kanak-kanak dibunuh. Kalau satu rumah disyaki mumpu-

nyai penggganas, seluruh rumah itu akan dimusnahkan bersama-sama semua orang di dalam rumah itu,” katanya.

Beliau berkata, sedikit waktu dahulu, tentera Israel akan mengenal pasti penggganas yang hendak dibunuh tetapi kini mereka bukan sahaja memusnahkan seluruh rumah (yang disyaki ada penggganas) tetapi juga keseluruhan kawasan penduduk.

“Kalau ada dua atau tiga penggganas yang disyaki dalam satu bandar, mereka musnahkan satu bandar,” katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu tentunya akan mengundang kemarahan banyak pihak dan salah satu cara untuk menunjukkan rasa marah mereka ialah dengan melakukan serangan penggganas.

Mengenai keengganan Perdana Menteri Australia, John Howard untuk meminta maaf terhadap negara-negara jirannya termasuk Malaysia, Dr. Mahathir berkata, Malaysia memang tidak mengharapkan pernyataan maaf dari negara itu.

Ditanya rancangan memindahkan pejabat perwakilan asing ke Putrajaya, Perdana Menteri berkata, perkara itu terserah kepada mereka.

“Kita telah sediakan satu tempat yang menarik untuk kedutaan. Terpulang kepada mereka,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, jika ada perwakilan asing yang berpindah ke Putrajaya, pihak kedutaan terbabit diharap dapat membuka pejabat visa di Kuala Lumpur bagi memudahkan orang ramai memohon visa.